



- Program** : *Biodiversity and Biogeography of Bats in Langkawi Archipelago*
- Anjuran** : Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM.
- Tarikh** : 21 Julai 2016 – 12 Ogos 2016
- Tempat** : Kepulauan Langkawi, Kedah.

Penyelidikan kelawar di Kepulauan Langkawi oleh Dr. Juliana Senawi, selaku felo penyelidik Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL) beserta beberapa orang pelajar sarjana dan latihan industri diperluaskan lagi ke beberapa pulau di Langkawi. Iaitu, pada kali ini, penyelidikan kelawar ke Pulau Dangli, Pulau Tuba, Pulau Dayang Bunting, Pulau Langgun (Teluk Mempelam) dan Pulau Tanjung Dendang. Penyelidikan ini turut dibantu oleh kakitangan PPL, En. Muhammad Nikman Ahmadan dan Cik Asbiyatulaida Derahman, beserta dua orang pemandu pelancong, iaitu Pn. Indera Rahayu dan En. Mohd Solehan. Seperti biasa, untuk penangkapan kelawar, beberapa *harp-trap* (perangkap hap) dan *mist-net* (jaring kabut) dipasang di kawasan sekitar pada setiap pulau. Beberapa spesies kelawar telah berjaya dikenalpasti dan direkod. Selain itu, data plot kepelbagaian spesies tumbuhan juga diambil.

Pulau Dangli: 21 – 22 Julai 2016



Menaiki bot nelayan yang dikemudi oleh En. Hasan (nelayan tempatan) menuju ke Pulau Dangli.



Memasang perangkap jaring kabut di kawasan rumah api di Pulau Dangli.



Dr. Juliana Senawi menunjukkan cara-cara melepaskan keluang yang terperangkap pada jaring kabut kepada para pelajar.



Para pelajar cuba untuk melepaskan keluang yang terperangkap pada jaring kabut yang dipasang.



Bersama beberapa spesies keluang, *pteropus hypomelanus* yang berjaya ditangkap di Pulau Dangli.

Pulau Tuba: 24 – 27 Julai 2016



Tapak perkhemahan selama 4 hari 3 malam di Pulau Tuba.



Memasang perangkap jaring kabut di kawasan sekitar Pulau Tuba.



Antara spesies-spesies kelawar yang berjaya ditangkap di Pulau Tuba.



Kerja-kerja mengenalpasti dan merekod data bagi setiap spesies kelawar yang berjaya ditangkap di Pulau Tuba.

Selat Bagan Nyior, Pulau Dayang Bunting: 29 Julai – 1 Ogos 2016



Memasang perangkap hap di Selat Bagan Nyior.



Merekod ukuran bagi setiap kelawar yang berjaya ditangkap di Selat Bagan Nyior.



Antara spesies-spesies kelawar yang berjaya ditangkap di Selat Bagan Nyior.



Para pelajar membuat pengenalpastian dan perekodan data bagi setiap spesies kelawar yang berjaya ditangkap di Selat Bagan Nyior. Turut serta membantu, Pn. Indera Rahayu (pemandu pelancong tempatan).

Teluk Mempelam, Pulau Langgun: 4 – 7 Ogos 2016



Bot penumpang sebagai pengangkutan utama ke Teluk Mempelam.



Kerja-kerja pemasangan khemah di tapak sedia ada di Teluk Mempelam.



Dr. Juliana Senawi bersama-sama para pelajar memasang perangkap jaring kabut di kawasan berbatu curam di Teluk Mempelam.



Sebilangan besar kelawar-kelawar yang berjaya ditangkap menggunakan perangkap jaring kabut yang dipasang di Teluk Mempelam.



Dr. Juliana Senawi menunjukkan kepada para pelajar cara-cara mengenalpasti dan merekod data bagi setiap spesies kelawar yang berjaya ditangkap.



Kerja-kerja pembersihan pulau juga dilakukan semasa di Teluk Mempelam.



Data plot kepelbagaian spesies tumbuhan diambil dan direkodkan di Teluk Mempelam.



Gambar kenangan Dr. Juliana Senawi (kanan) bersama Pn. Indera Rahayu (pemandu pelancong) di Teluk Mempelam.



Spesies ikan linang yang dijumpai di kawasan mata air di Teluk Mempelam.

Pulau Tanjung Dendang: 9 – 12 Ogos 2016



Perjalanan ke Pulau Tanjung Dendang dengan menaiki bot penumpang.



Tapak perkhemahan di Pulau Tanjung Dendang.



Para pelajar memasang perangkap di kawasan batuan batu kapur di Pulau Tanjung Dendang.



Melepaskan kelawar yang terperangkap pada jaring kabut di Pulau Tanjung Dendang.



Data direkod dan DNA sampel bagi setiap spesies kelawar diambil.



Gambar kenangan menikmati hidangan tengah hari di Pulau Tanjung Dendang.

Laporan oleh Asbiyatulaida binti Derahman.